

ABSTRAK

Kebanyakan pelanggan institusi kewangan mikro di seluruh dunia adalah wanita. Pada dasarnya, tiga sebab digunakan dalam memberi wanita keutamaan untuk akses kepada perkhidmatan kewangan mikro, iaitu kemiskinan, peningkatan kecekapan dan kemampunan serta kesaksamaan dalam pemeraksanaan. Pemeraksanaan adalah satu proses perubahan yang mana individu atau kumpulan mendapatkan kuasa dan keupayaan untuk mengawal kehidupan mereka. Ini melibatkan peningkatan kesejahteraan, akses kepada sumber, keyakinan diri, harga diri dan penghormatan, penyertaan dalam membuat keputusan, dan peningkatan kawalan ke atas keseluruhan hidup mereka sendiri. Kajian ini mengkaji sejauh mana kewangan kredit mikro menyumbang kepada pemeraksanaan wanita miskin di kawasan luar bandar dan mengurangkan kemiskinan di kedua-dua isi rumah dan komuniti. Penyelidikan telah dijalankan di daerah Gowa, Sulawesi Selatan, Indonesia. Kaedah tinjauan telah digunakan sebagai teknik pengumpulan data. Terdapat seramai 151 orang responden terlibat dalam kajian ini. Keputusan kajian ini menyokong literatur sedia ada yang menunjukkan kesan positif kewangan mikro untuk meningkatkan pendapatan peserta, kualiti dan kuantiti perbelanjaan dan pendidikan untuk anak-anak. Ia juga mendapati bahawa penyediaan kredit mikro telah dapat meningkatkan peranan wanita untuk berdikari. Kajian menunjukkan bahawa wanita yang memperolehi akses kepada sumber kewangan berupaya meningkatkan kebajikan isi rumah mereka. Akses kepada kredit telah membantu wanita luar bandar untuk memahami tujuan penjimatan, menyusun perbelanjaan isi rumah dengan lebih baik dan merancang masa hadapan. Penyertaan wanita dalam program kredit mikro telah meningkatkan peranan mereka, terutama sebagai modal sosial masyarakat dengan cara memperolehi harga diri, kemahiran perniagaan, tahap keyakinan dan kuasa membuat keputusan.

ABSTRACT

Most clients of microfinance institutions throughout the world are women.

Basically, three reasons are used to prioritize women's access to microfinance services, which are poverty, increased efficiency and sustainability and equality in empowerment. Empowerment is a process of change by which individuals or groups gain power and ability to take control over their lives. This involves increased well being, access to resources, self-confidence, self-esteem and respect, participation in decision-making, and increased control over their own life. This study examined the extent to which the microcredit finance contributed to the empowerment of poor women in rural areas and reduced poverty both in the households and community.

Research was conducted in Gowa district, South Sulawesi, Indonesia. Survey method was used as a technique of data collection. There were 151 respondents involved in this study. The results of this study support the existing literature showing the positive impact of microcredit finance to increase the income of participants, the quality and quantity of spending, the quality of life, and the education for the children. It is also found that the provision of microcredit has been able to increase a woman's role of self-reliance. The study revealed that women with access to financial resources are able to improve the welfare of their households. Access to credit has helped rural women to understand the purpose of saving, organize better household expenditure and plan for the future. Women's participation in microcredit programs has enhanced their role, especially as the social capital of the community through acquiring the self-esteem, business skills, confidence level and decision making power.